

Tumpahan minyak 20 batu nautika dari lokasi terakhir pesawat hilang
Malaysian Insider
9 Mac, 2014

Gambar serpihan yang dipercayai diambil oleh seorang penumpang China menaiki pesawat MAS lain dari Beijing ke Kuala Lumpur tersebar di laman media sosial Weibo. Kapal Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mengesan tumpahan minyak sekitar 20 batu nautika ke utara daripada lokasi terakhir pesawat MH370 Malaysia Airlines.

Ketua Pengarah APMM, Datuk Mohd Amdan Kurish, yang menyertai misi mencari pesawat berkenaan berkata pasukan mencari menemui "dua atau tiga" tompokan minyak dalam anggaran 16 kilometer berwarna kekuningan sekitar jam 11 pagi pada Ahad.

Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Datuk Mohd Amdan Kurish melihat radar di dalam pesawat Bombardier di kawasan yang disyaki pesawat MAS MH370 terhempas di Laut China Selatan yang terletak 100 batu nautika dari Pantai Tok Bali. "Sebuah kapal dihantar ke lokasi tumpahan untuk mengambil sampel untuk diuji sama ada ia datang dari pesawat itu," kata Mohd Amdan kepada The Star.

Gambar berkemungkinan serpihan pesawat MH370 di laut sekitar kawasan lokasi pesawat berkenaan hilang turut tersebar di laman media sosial China.

Gambar berkenaan yang diambil oleh penumpang China menaiki pesawat lain yang selamat mendarat di Kuala Lumpur pada pagi ini menunjukkan serpihan yang terapung berada sekitar 90 minit daripada ibu negara Malaysia. – 9 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tumpahan-minyak-20-batu-nautika-dari-lokasi-terakhir-pesawat-hilang>